

22 JAN 2004

PM HADIR RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA PARTI MCA

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menghadiri majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina MCA di Wisma MCA di sini hari ini.

Ketibaan mereka disambut oleh Presiden MCA yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Presiden MIC yang juga Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Presiden Gerakan yang juga Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik juga hadir.

Antara menteri kabinet lain yang hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Bekas presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik juga hadir. Ribuan rakyat pelbagai kaum hadir pada majlis rumah terbuka itu.

-- BERNAMA

JM HM RON